

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI DIETETIK**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Minimum-Maksimum</b>
<b>Gred U41</b>	: RM2259.08 - RM6909.25
<b>Gred U44</b>	: RM3422.66 - RM7268.66
<b>Gred U48</b>	: RM5007.64 - RM8356.59
<b>Gred U52</b>	: RM5641.31 - RM9108.00
<b>Gred U54</b>	: RM5941.64 - RM9717.04

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang ilmu kaji diet yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U41 : RM2,259.08)

dan

- (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

3. Pegawai Dietetik Gred U41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

4. Pegawai Dietetik boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM  
TRANFORMASI MINDA/  
PEPERIKSAAN**

5. Pegawai Dietetik Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

6. Pegawai Dietetik Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :-
  - (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U44**

8. Pegawai Dietetik Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Dietetik Gred U44 yang kosong apabila telah :-
  - (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U48**

9. Pegawai Dietetik Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Dietetik Gred U48 yang kosong apabila telah :-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U52**

10. Pegawai Dietetik Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Dietetik Gred U52 yang kosong apabila telah :-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan
  - (b) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED U54**

11. Pegawai Dietetik Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi jawatan kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Dietetik Gred U54 yang kosong apabila telah :-
  - (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan ;dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG LEBIH  
TINGGI**

12. Pegawai Dietetik Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.